

15/11/2001

Wartawan, pegawai DBP tunjuk bakat

MAJLIS Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Bersama Wartawan yang berlangsung di Hotel Ranaissance, baru-baru ini, menyaksikan beberapa wartawan menunjukkan bakat mereka dalam bidang kesenian.

Wartawan Sambilan Berita Harian Sdn Bhd, LC Fang, bukan saja menunjukkan kebolehannya mendeklamasi tetapi juga menghasilkan puisi berjudul Kaulah Itu Yang Bernama Mahathir.

Penyiar TV3, Nizal Mohamed bersama Ally Iskandar, membuat persembahan berjudul Rampaisari, yang menggabungkan deklamasi puisi dan nyanyian manakala kakitangan Berita Nasional Malaysia (Bernama) mempersembahkan tarian Endang.

Wartawan media cetak dan elektronik yang hadir pada majlis itu berpeluang menyaksikan persembahan deklamasi puisi dan lagu daripada pegawai DBP ibu pejabat Kuala Lumpur mahupun cawangan.

Pegawai Penerangan DBP, Rossilawaty Sherif, menunjukkan bakatnya sebagai deklamator dengan memilih puisi Bahasa Seniman dan ia dilagukan oleh seorang lagi kakitangan badan berkanun itu, Zulkefli Abu Bakar.

Pada majlis itu, wartawan Berita Harian, Salbiah Ani dan wartawan sambilan Berita Harian, LC Fang, menerima Hadiah Penghargaan Wartawan DBP 2001 bersama-sama Chidambaram a/l Annamalai dari Malaysia Nanban dan Phong Yuen Leong (Nanyang Siang Pau).

Penolong Pengawal Berita TV, Jabatan Penyiaran Malaysia, Abdul Hadi Mohd Yusoff, Penerbit Sembang-semang Sastera, Radio 1, Mohd Zamani Ibrahim dan Pengawal Unit Ehwat Semasa TV, Jabatan Penyiaran Malaysia, Rohana Abu Kasim dan Penyiar RTM Sabah, Miriam Ajem, juga menerima hadiah penghargaan itu.

Tidak ketinggalan, penyiar Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Nizal Mohamad dan Pengurus Jabatan Dokumentasi TV3, Zainal Ariffin Ismail, turut menerima hadiah.

Hadiah Penghargaan Wartawan DBP 2001 bertujuan menghargai wartawan media cetak dan elektronik yang menyumbang kepada pembangunan bahasa Melayu dan sastera kebangsaan di negara ini.

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Abdul Rahim Abu Bakar, dalam ucapan alu-aluannya, berkata usaha meningkatkan martabat bahasa Melayu di negara ini bukan saja menjadi tanggungjawab DBP.

"Semua pihak termasuk media cetak dan elektronik boleh membantu DBP khususnya dalam menjelaskan kekeliruan mengenai peranan bahasa Melayu.

"Kekeliruan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, rasmi, pemersatu dan ilmu akan lebih mudah dileraikan dengan adanya penjelasan dan penyebaran maklumat yang meluas dalam media cetak serta elektronik," katanya.

Abdul Rahim berkata, DBP tidak akan mampu melaksanakan tugas menyebarkan maklumat bahasa tanpa kerjasama media yang menjadi penyebar maklumat masyarakat.

"Sesungguhnya media menjadi ejen pembentukan tanggapan dan pemikiran masyarakat serta kerjasama mereka amat penting bagi menjayakan peranan DBP bagi meningkatkan martabat bahasa Melayu," katanya.

(END)